KEBERSIHAN UDARA DI DALAM RUMAH

Standard Pembelajaran
2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi.

Baca petikan dan teliti iklan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** *yang panjangnya* **tidak melebihi 120 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 – Petikan

Berkurung di dalam rumah untuk berlindung daripada udara luar yang kotor, bukan lagi alasan relevan. Walaupun ramai yang masih beranggapan demikian, namun kajian menunjukkan bahawa udara di dalam rumah sebenarnya lebih kotor berbanding dengan di luar. Realitinya, banyak faktor pencemaran udara di dalam rumah yang jarang-jarang kita sedari. Hal ini disebabkan oleh asap pembakaran di sekeliling di samping pendingin hawa yang tidak diselenggarakan dengan baik dan perabot yang disaluti bahan kimia atau cat, masing-masing melepaskan pelbagai zarah kecil serta toksik ke udara. Keadaan mungkin bertambah teruk sekiranya tiada pengudaraan yang baik di dalam rumah. Berikutan kurangnya kesedaran dan pemahaman dalam kalangan ibu bapa, ramai yang membuat kesimpulan mudah dengan mengatakan bahawa kediaman mereka selamat dan bersih daripada pencemaran.

Keperluan untuk mempunyai udara di dalam rumah yang bersih lebih memuncak jika ada ahli keluarga yang menghidapi asma atau terlantar sakit. Mereka memerlukan pengudaraan yang bersih dan baik supaya sentiasa boleh berasa selesa. Kajian menunjukkan bahawa pencemaran di dalam rumah dan habuk boleh menjejaskan kualiti hidup keluarga. Penggunaan alat berteknologi bolehlah diaplikasikan di dalam rumah untuk membersihkan udara berupaya menyerap pencemaran dan alergen daripada persekitaran. Bagi bayi yang aktif merangkak dan bermain di lantai, kebersihan udara dapat mengelakkan golongan ini daripada penyakit dan masalah kesihatan.

Untuk menjamin udara yang bersih di dalam rumah, antara cara yang boleh diaplikasikan ialah elakkan penggunaan karpet berbulu tebal kerana cenderung menjadi perangkap habuk. Selain itu, sekalipun dapur sudah dilengkapi penyedut asap, tingkap perlulah terbuka luas setiap kali anda memasak untuk melancarkan peredaran udara. Di samping itu, masyarakat hendaklah membuat larangan merokok di dalam dan di sekitar kawasan kediaman. Tambahan pula, pendingin hawa perlulah diselenggara mengikut jadual selain botol dan bekas yang mengandungi bahan kimia beracun haruslah sentiasa dalam keadaan tertutup kemas. Sesungguhnya, penjagaan kebersihan di rumah amat penting dan perlu dilakukan bersama-sama oleh ahli keluarga.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jaminan udara bersih dalam rumah'
oleh Intan Mas Ayu Shahimi,
Harian Metro, 5 Januari 2018

LIVEWORKSHEETS

Bahan 2 – Iklan

Anda yakin udara di dalam rumah anda BERSIH?

Penggunaan penyebur aerosol, pewangi bilik dan racun perosak dikatakan menjadi sebab pencemaran udara di dalam rumah. Belilah produk pembersih udara yang mengintegrasikan inovasi terkini keluaran kami untuk membersihkan udara agar dapat menjaga kesihatan mental dan memanjangkan jangka hayat.



Untuk pembelian, hubungi :
Puan Nina 019-367 XXXX
Puan Najwa 017-755 XXXX

Selain menggunakan produk kami, kami mencadangkan agar masyarakat menanam pokok yang boleh membersihkan udara di dalam rumah sebagai usaha menyokong kelestarian alam. Udara yang bersih berupaya mengekalkan fokus dan tumpuan.



Ikan keli mati di laut,
Banyak lemak berlinang-linang;
Tangan kiri menyapu habuk,
Tangan kanan mengunjuk pinang.

Sumber Pantun : Kurik Kundi Merah Saga

LANGKAH-LANGKAH PENULISAN RUMUSAN

Langkah 1 : Baca soalan
Jangan abaikan langkah ini kerana amat penting. Dalam arahan soalan terdapat beberapa kehendak seperti menulis sebuah rumusan dan panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan.

Langkah 2 : Kenal pasti komponen berikut
Tema : _____
Fokus 1 : _____
Fokus 2 : _____
Fokus 3 : _____

Langkah 3 : Menulis rumusan
Ingat, rumusan mestilah mengandungi tiga komponen penting, iaitu:
(a) Pendahuluan
(b) Isi
(c) Kesimpulan
Gunakan penanda wacana yang sesuai untuk menyambung idea

Langkah 4 : Kira dan tulis patah perkataan
Sila kira patah perkataan untuk memastikan anda tidak menulis lebih daripada 120 patah perkataan. Jika lebih, potong mana-mana perkataan yang tidak mengganggu idea.

LIVEWORKSHEETS